



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmetro.com.my

Persatuan Teater dan Drama Pentas Kumpulan 1 dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang menganjurkan program mobiliti ke Bali, Indonesia, baru-baru ini.

Program selama empat hari diberi nama Layar Pariwisata itu disertai 14 ahli Persatuan Teater dan Drama Pentas Kumpulan 1 dan diiringi tujuh tenaga pengajar UPM.

Pengarah program, Aditya Hutama, 20, berkata, tujuan program berkenaan dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada penuntut UPM mengenai budaya dan keunikan Indonesia, sekali gus memperkenalkan budaya Malaysia.

"Layar Pariwisata mendapat kerjasama Universiti Udayana, Denpasar untuk kami memperkenalkan UPM sebagai landasan kepada pembangunan dan kepemimpinan golongan muda pada era globalisasi ini.

"Sepanjang empat hari

di Bali, peserta teruja menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan pihak Universiti Udayana seperti melawat kawasan sekitar universiti itu dan diberi penerangan mengenai makanan, budaya dan tempat menarik di Bali.

"Kami turut dihiburkan dengan persembahan tarian saraswati yang sangat unik pada mata kami dan pertama kali menyaksikannya," katanya.

Katanya, Persatuan Teater dan Drama Pentas Kumpulan 1 juga tidak melepaskan peluang berkongsi sedikit ilmu dalam bidang teater dan mendeklamasikan sajak bersama penuntut Universiti Udayana.

"Banyak perkara yang kami pelajari selama berada di sana dan pengalaman terabit tidak mungkin mudah dilupakan. Oleh itu, kami berharap program seperti ini dianjurkan lagi pada masa akan datang rasa bersyukur diberi peluang oleh pihak UPM untuk menimba pengalaman yang berbeza di sana," katanya.

Peserta, Nurunnajwa Nor Aripin, 20, berkata ini pengalaman kali pertama buatnya dan mahu menyertainya lagi jika ada peluang.

"Pengalaman ke Bali sangat berharga kerana saya bukan saja dapat meningkatkan kemahiran insaniah malah dapat belajar budaya dan cara komunikasi masyarakat lain. Sekali gus mendapat rakan baru dari negara jiran," katanya.



PESERTA menikmati makan malam di Restoran Jimbaran, Indonesia.



PERSEMBAHAN tarian barong.

MOBILITI KE BALI

Program 4 hari beri pendedahan bermakna kepada 14 siswa UPM



PESERTA bergambar kenangan bersama penuntut Universiti Udayana, Indonesia.